

22 APR 2001

PERLU ADA CARA TENTUKAN KEKAYAAN SESEORANG, KATA RAIS

PETALING JAYA, 22 April (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno harus mempunyai satu mekanisme untuk menentukan kekayaan seseorang jika cadangan melarang mereka yang terlalu kaya hendak dilaksanakan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

Beliau berkata langkah itu bertujuan menentukan samada seseorang anggota yang ingin bertanding berada dalam kategori kaya atau sederhana kaya.

"Yang menjadi masalah sekarang ialah bagaimana mahu menentukan siapa yang dianggap kaya dan sederhana kaya," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Segambut di sini hari ini.

Rais berkata demikian semasa mengulas cadangan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai larangan terhadap pemimpin Umno yang terlalu kaya daripada bertanding sebarang jawatan dalam parti sebagai langkah membendung politik wang.

Pandangan Dr Mahathir itu perlu dihalusi kerana ia satu amaran jelas bahawa Umno tidak boleh mengambil ringan isu penyalahgunaan wang dalam parti, kata Dr Rais.

"Saya fikir masyarakat umum terutama anggota Umno menyambut baik cadangan itu...satu langkah yang wajar diterima. Bagi mereka yang mengamalkan politik wang, saya yakin mereka tidak suka dengan cadangan itu" katanya.

--BERNAMA
SLR AKT MOZ